

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 APRIL 2017

Dr. M dijangka ulang skrip sama

UM-24/4/2017

KEPALA BATAS 23 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad suatu hari nanti dijangka mengulangi pendirian kononnya kerjasama dengan rakan sekutu pilihannya termasuk Lim Kit Siang adalah satu kesilapan besar.

Ahli Parlimen Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu diyakini akan mengulangi kenyataannya itu selepas beliau akhirnya sedar kegagalan kerjasama bersama Kit Siang.

Beliau berkata, perkara itu tidak mustahil kerana sudah beberapa kali Dr. Mahathir menyatakan kesilapannya melantik beberapa individu untuk menjawat pelbagai jawatan termasuk menggantikannya sebagai Perdana Menteri.

“Selepas Tun Musa Hitam melepaskan jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 1986, Dr. Mahathir mengakui melakukan kesalahan besar dan beliau beberapa kali mengulangi kenyataan itu dalam pelantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan terbaharu, Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Pada masa sama, beliau sering mengutuk DAP termasuk Kit Siang yang menyebabkan keputusannya bergabung dengan parti itu pada masa ini dilihat bertentangan dengan pendirian asal,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.



REEZAL MERICAN

Dalam pada itu, Reezal Merican berkata, sikap Dr. Mahathir itu menunjukkan beliau tidak konsisten dengan pendiriannya termasuk menentukan hala tuju parti baharu dipimpinya.

“Kita pasti rakyat pun tidak terima kerjasama yang dijalankan dengan

DAP kerana mereka tahu Dr. Mahathir berkemungkinan akan mengulangi pendirian sama iaitu *I was wrong*,” jelasnya.

Menurut beliau, perbuatan Dr. Mahathir telah menghilangkan rasa hormat kebanyakan rakyat terhadapnya kerana sering memandang serong terhadap pemimpin lain apabila wujud perasaan tidak puas hati.